

15/10/1998

Keselamatan negara belum terjamin: PM

SHAH ALAM, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan pernah bercadang memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), tetapi terpaksa mengekalkannya atas nasihat polis kerana keselamatan negara belum terjamin.

"Ya, saya pada mulanya ingin menghapuskan ISA, bahkan saya pernah membuat cadangan untuk menghapuskan ISA tetapi pihak keselamatan berpendapat bahawa kita belum sampai ke tahap itu.

"Hari ini kita nampak dengan jelas bahawa ada pihak di negara ini yang cuba mencetuskan huru-hara.

"Bagi mereka cuma demonstrasi, tetapi bagi rakyat, mata pencarian mereka tergugat kerana ada rusuhan, perniagaan kecil tidak dapat diteruskan dan pelancong tak datang," kata Perdana Menteri dalam sidang akhbar selepas melancarkan sambutan Hari Perpaduan di sini, petang ini.

Menurut Perdana Menteri, tindakan golongan tertentu mencetuskan huru-hara menerusi demonstrasi di ibu kota dan kesan laporan media asing mengenai kejadian itu, membuktikan ISA masih diperlukan untuk menjamin ketenteraman dan keselamatan negara.

Beliau mengulas resolusi Majlis Peguam Malaysia dalam mesyuarat agung luar biasanya Sabtu lalu, yang mendesak kerajaan memansuhkan ISA dan membebaskan semua tahananannya mengikut akta berkenaan.

Desakan itu adalah antara empat resolusi yang diluluskan sebulat suara oleh lebih 2,480 peguam yang hadir pada mesyuarat berkenaan.

Menurut Dr Mahathir, beliau mencadangkan pemansuhan ISA kerana menganggap keadaan di Malaysia sudah aman dan rakyat mampu bertindak secara matang.

"Saya fikir orang Malaysia sudah dewasa, tidak lagi akan menggunakan cara-cara yang tidak baik, sebaliknya mematuhi undang-undang. Kalau ada masalah (dan) kita tak puas hati dengan kerajaan, dalam pilihan raya boleh undi orang lain.

"(Ketika kempen pilihan raya dulu) kita tak sembunyi bahawa kita sokong ISA tetapi mereka tetap pilih kita (untuk membentuk kerajaan)," katanya.

Dr Mahathir menegaskan, kerajaan boleh memansuhkan ISA tetapi rakyat tidak harus melanggar undang-undang sehingga menyebabkan undang-undang berkenaan terpaksa dikekalkan.

Menurut Perdana Menteri, kebanyakan negara maju tidak mengalami kejadian rusuhan menyebabkan mereka tidak memerlukan undang-undang itu, tetapi jika berlaku kekacauan, ia turut mewujudkan peraturan serupa.

"Umpamanya di Britain baru-baru ini, apabila satu kumpulan itu disyaki terbabit dengan keganasan, mereka dimasukkan ke dalam tahanan tanpa perbicaraan dan ini bersifat preventif.

"Jadi ISA adalah satu undang-undang preventif untuk mencegah sesuatu daripada berlaku, kalau dah berlaku lainlah pulak," katanya.

Mengenai pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada tahanan ISA hari ini, Dr Mahathir berkata: "Itu haknya, saya rasa habeas corpus bukan."

Menjawab soalan lain, beliau berkata, siasatan berhubung dakwaan Anwar dipukul polis ketika dalam tahanan, masih berjalan dan laporannya akan diserahkan kepada Peguam Negara untuk menentukan sama ada kes atau tidak.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak terbabit dalam siasatan kes itu.

Mengenai pertemuan Duta Besar Amerika Syarikat, John Malott dengan isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak menghalang sesiapa pun berbuat demikian.

"Kalau nak jumpa, jumpalah, kita tidak larang, asal jangan cakap bohong sudahlah," katanya.

(END)